

05 DEC 2001

Mahathir-IPT

DR MAHATHIR BERBUKA PUASA DENGAN PENUNTUT IPT

PUTRAJAYA, 5 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini berbuka puasa bersama-sama penuntut institusi pengajian tinggi dan wakil persatuan pelajar di kediaman beliau di Seri Perdana, di sini.

Mereka adalah dari Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Universiti Utara Malaysia, Universiti Sains Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Malaysia Sabah, Universiti Malaysia Sarawak, Universiti Perguruan Sultan Idris, Universiti Teknologi MARA, Universiti Tun Abdul Razak, Universiti Tenaga Nasional, Universiti Multimedia dan Universiti Teknologi Petronas.

Pelajar dari Kolej Universiti Tun Hussein Onn, Kolej Universiti Islam, Kolej Islam Antarabangsa serta anggota Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia turut hadir.

Kebanyakan 210 penuntut yang hadir itu ialah anggota Majlis Perwakilan Pelajar yang memenangi pilihan raya kampus bagi tempoh 2001/2002 pada 26 Nov lalu.

Majlis yang diadakan di Dewan Bankuet itu turut dihadiri isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) Datuk Suhaimi Ibrahim dan isteri Datin Norliza Abdul Majid.

Dr Mahathir kemudian menunaikan solat Maghrib, Isyak dan solat sunat Tarawih bersama jemputan dengan dipimpin Imam Besar Masjid Ibnu Khas, Kaherah, Sheikh Muhammad Gibril.

Selepas itu, Dr Mahathir mengadakan perjumpaan tertutup dengan mahasiswa daripada 14 institusi pengajian tinggi awam dan empat institusi pengajian tinggi swasta.

Presiden Persatuan Mahasiswa Universiti Perguruan Sultan Idris Mohd Dom Ahmad kemudian mewakili pelajar membacakan ikrar "Deklarasi Pemimpin Mahasiswa Institut Pengajian Tinggi Malaysia" dan menyerahkannya kepada Dr Mahathir.

Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah turut meluangkan masa beramah mesra dan bergambar dengan para pelajar itu.

-- BERNAMA

HS AHH RON AT NAK